

Kerajaan sedia RM35 juta bangunkan kenaf

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Kerajaan memperuntukkan RM35 juta untuk pembangunan tanaman kenaf dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui.

"Dalam RMK-9, peruntukan awal kementerian bagi pembangunan kenaf menerusi Lembaga Tembakau Negara (LTN) ialah sebanyak RM10 juta. Jumlah itu dinaikkan kepada RM35 juta dalam semakan separuh penggal RMK-9 baru-baru ini," katanya dalam temu bual baru-baru ini.

Fah Kui berkata, peruntukan itu akan digunakan untuk menyediakan pelbagai bantuan sokongan untuk institusi dalam membangunkan kenaf, termasuk pembangunan tanah (infrastruktur), amalan pertanian yang baik, peralatan, sistem penuaian dan pasca penuaian, penyimpanan, latihan, pemasaran, pengeluaran benih, kredit serta pusat-pusat pemprosesan.

"Kami sedang mengenal pasti kaedah menjalankan penuaian menggunakan mesin," katanya.

LTN diperuntukkan sejumlah RM25 juta dalam RMK-9 bagi membantu penanaman tembakau menyepadukan tanaman lain bersama tembakau, dengan matlamat untuk menggantikan tembakau.

- Bernama